Audit					
Undang-undang					
OSC	1				1
Penilaian Dan Pengurusan Harta	1				1
Teknologi Maklumat					
COB	1				1
Lanskap					
Belia					
Unit Vektor					
Hasil					
PRO					

LAPORAN PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

MEMASTIKAN RANGKAIAN KOMPUTER DIDALAM KEADAAN BAIK DAN SEGALA KEROSAKKAN RANGKAIAN KOMPUTER TIDAK KRITIKAL DI BAIKPULIH DALAM TEMPOH TIGA (3) HARI DARI TARIKH PEMAKLUMAN ADUAN KEROSAKKAN

Status Pencapaian:
(100%)

Aduan
3

Selesai
3

MEMASTIKAN PENYELENGGARA DAN KEROSAKAN TIDAK KRITIKAL PERKAKASAN KOMPUTER DIBAIKPULIH DALAM TEMPOH TIGA (3) HARI DARI TARIKH PEMAKLUMAN KEROSAKKAN.

Status Pencapaian:
(100%)

Aduan
78

Selesai
78

LAPORAN PENCAPAIAN SISTEM KUALITI

BIL	OBJEKTIF KUALITI	STATUS PENCAPAIAN	CATATAN
1	Manual Prosedur Kerja	100%	Bahagian Teknologi Maklumat mempunyai MPK yang lengkap
2	Fail Meja	100%	Kesemua 7 kakitangan mempunyai fail meja yang lengkap dan telah di semak oleh unit audit dalam
3	QE	1. Tahap Kejayaan: -Keputusan Audit Kualiti Dalaman BTM mendapat tempat ke - 3 2. Peringkat Penglibatan : i. AJK Promosi Induk Encik Mohd. Firdaus Bin Zainal Abidin ii. Peringkat Jabatan (Zon White Musk)	BTM telah melaksanakan Program QE dengan jayanya
4	KPI	85%	Data sehingga Ogos 2014
5	KIK	Sebagai Pelaksana	3 terlibat - Kumpulan Infiniti Gegar . Tempat ke 3 - kategori pengurusan

BAHAGIAN PENGUATKUASA & KESELAMATAN

BAHAGIAN PENGUATKUASA & KESELAMATAN

CARTA ORGANISASI



PENCAPAIAN 2014 DAN SASARAN KUTIPAN KOMPAUN 2015

KUTIPAN	PENCAPAIAN 2014	SASARAN 2015
Notis Kesalahan	RM483,766 (97%)	RM 600,000
Notis Kesalahan Parking	RM473.349 (95%)	RM 500,000
Notis Kesalahan	RM483,766 (97%)	RM 600,000
Notis Kesalahan Parking	RM473.349 (95%)	RM 500,000
Notis Kesalahan Parking	RM473.349 (95%)	RM 500,000
Notis Kesalahan	RM483,766 (97%)	RM 600,000
Notis Kesalahan Parking	RM473.349 (95%)	RM 500,000

LAPORAN MENGIKUT BULAN TAHUN 2014

BULAN	Notis Kesalahan	Notis Kesalahan (Parking)	Notis Pemberitahuan	Notis Peringatan	Penyediaan Saman / Pendakwaan
Januari	1,699	3,877	50	1,156	30
Februari	1,366	3,740	65	1,410	32
Mac	1,374	3,502	20	917	91
April	966	3,924	24	2,829	44
Mei	1,219	3,051	65	4,797	33
Jun	1,085	3,406	72	1,379	63
Julai	1,030	3,038	41	733	19
Ogos	853	3,042	33	589	47
September	647	3,708	37	555	108
Oktober	575	4,197	10	688	31
November	795	3,261	56	624	40
Disember	551	4,899	45	1,156	63
JUMLAH	12,160	43,645	523	16,842	601

PENCAPAIAN 2014 DAN SASARAN KUTIPAN KOMPAUN 2015

KUTIPAN	PENCAPAIAN 2014	SASARAN 2015
Notis Kesalahan	RM483,766 (97%)	RM 600,000
Notis Kesalahan Parking	RM473.349 (95%)	RM 500,000

LAPORAN PENCAPAIAN 2014 DAN SASARAN KERJA UNIT RONDAAN 2015

Bil.	PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014	CATATAN				SASARAN 2015
				KUALITI	MASA	KOS	KUANTITI	
1	Operasi Pemeriksaan Lesen (Tred,Penjaja dan Iklan)	3 x setahun	100%	4,042 pelesen	Mac Mei November	-	N.Kes = 963	3 kali
2	Operasi Penjaja Haram	8 x sebulan =96 kali setahun	127% (122 kali)	Tindakan dibuat kepada penjaja asing dan tanpa lesen	Januari - Disember	-	Sitaan = 122 kali N.Ke s= 557	12 x sebulan =144 x setahun
3	Operasi Kenderaan Berat	2 x sebulan = 24 kali	216% (52 kali)	Tindakan diambil secara berkala	Januari - Disember	-	N.Kes = 439	4 x sebulan =48 x setahun
4	Operasi Pemeriksaan Lesen Anjing	2 x sebulan =24 kali setahun	104% (25 kali)	Maklumat dan operasi bersama JPBP	Januari - Disember	-	N.Kes = 144	2 x sebulan =24 x setahun
5	Operasi kaki lima Premis Kedai	4 x sebulan = 48 Kali	100% (25 kali)	Pemeriksaan premit mengikut maklumat dari JPBP	Januari - Disember	-	N.Kes = 188	4 x sebulan =48 kali setahun
6	Operasi Kain Rentang	10 x sebulan = 120 x setahun	123% (147 kali)	Tidak mempunyai permit dan digantung di tempat yang tidak dibenarkan	Januari - Disember	-	3, 310 kain rentang telah disita	15 x sebulan = 180 kali
	OPERASI DI BAWAH ENAKMEN HIBURAN							
7	9.1. Video Game / Mesin Simulasi 9.2. Siber Kafe 9.3. Pusat Hiburan / Pusat Snooker 9.4. Rumah Urut 9.5. VCD/DVD Haram	20 kali setahun	125% (25 kali)	Pemantauan berkala supaya tiada aktiviti yang tidak sihat	Januari - Disember	-	VCD&DVD = 950 keping N.Kes = 14	25 x setahun
8	KAWALAN 12.1. Kawalan Pasar Malam dan Pasar Sari 12.2. Kawalan Pasar pagi	52 pasar x sebulan =624 pasar 12 x sebulan =114 pasar	100%	Memastikan keadaan pasar terkawal dan tiada penjaja tanpa lesen.	Selasa, Khamis, Sabtu	-	N. Kes = 258	624 x pasar 114 x pasar
9	Operasi Pemeriksaan Fail Lesen	150 fail	103% (155 fail)	Mengikut jumlah fail yang dihantar oleh JPBP	Januari - Disember	-	155 fail lesen	150 fail

LAPORAN PENCAPAIAN 2014 DAN SASARAN KERJA UNIT PENTADBIRAN 2015

Bil.	PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014	CATATAN			SASARAN 2015
				KUALITI	MASA	KOS	
1	Mesyuarat Bahagian	2 kali setahun	100 %	Memastikan mesyuarat berjalan lancar	Mac & November	-	2 kali setahun

Bil.	PROGRAM / AKTIVITI	SASARAN 2014	PENCAPAIAN 2014	CATATAN			SASARAN 2015
				KUALITI	MASA	KOS	
3	Penyediaan Jadual Tugas	1 x sebulan = 12 kali	100% (12 kali)	Jadual disediakan pada setiap awal bulan	Januari - Disember	-	1 x sebulan = 12 kali
4	Pengawalan Stor Bekalan	1 x sebulan =12 setahun	12% (12 kali)	Memastikan keperluan mencukupi	Januari - Disember	-	1 x sebulan =12 setahun
5	Penempahan Pakaian Seragam dan Peralatan	1 kali setahun	100%	Membuat tempahan peralatan yang mencukupi	Januari	-	1 kali setahun
6	Pengawalan Barang Rampasan	1 x bulan =12 setahun	100% (12 kali)	Memastikan barang sitaan disimpan mengikut prosuder	Januari - Disember	-	15 x sebulan = 180 kali
7	Pemeriksaan keanggotan	4 x bulan = 48 kali	88% (42 kali)	Memastikan anggota kemas dan berdisiplin	Januari - Disember	-	25 x setahun
8	Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan	4 x setahun	100% (2 kali)	Memastikan mesyuarat berjalan lancar	Selasa, Khamis, Sabtu	-	624 x pasar 114 x pasar
9	Mengawal dan menyelia kenderaan Jabatan	1 x sebulan 17 buah	100% (17 buah kenderaan)	Memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik	Januari - Disember	-	150 fail
10	Mengatur Operasi Bersama Agensi Luar	1x sebulan = 12 kali	108% (13 kali)	Mengambil tindakan mengikut bidang kuasa agensi	Januari - Disember	-	1 x sebulan = 12 kali



CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA

CAWANGAN BANDAR SAUJANA PUTRA

Fungsi

- Bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pungutan hasil.
- Mengawal perbelanjaan Pejabat Cawangan & memastikan segala pembayaran teratur.
- Menguatkuasa undang-undang yang digunakan oleh Majlis & mengadakan operasi bersama Jabatan luar.
- Mengawal & mencegah apa-apa pembinaan serta struktur pembinaan baru di kawasan Bandar Saujana Putra.
- Mengawal & memproses permohonan kelulusan ubahsuai bangunan.
- Menguatkuasakan kawalan ke atas pembinaan bangunan tanpa kebenaran.
- Menerima permohonan lesen premis perniagaan.
- Memproses permohonan permit sementara.

Visi

Menguruskan kelulusan pelan bangunan dan perakuan sijil layak menduduki dalam kawasan Majlis Daerah Kuala Langat agar bangunan yang dibina selamat diduduki selaras dengan Undang-Undang Kecil Bangunan seragam, 1984 dan Akta 133 Parit, Jalan dan Bangunan 1974.

Misi

Merancang, Memperkasa Sosioekonomi, Merialisasikan Pembangunan & Infrastruktur Ke Arah Bandar Yang Makmur, Ceria, Bersemangat, Terurus & Bertenaga Yang Memenuhi Keperluan Penduduk & Warga Kerja

Objektif

Membangun, Mentadbir & Mengurus Bandar Saujana Putra Bagi Pihak MDKL Untuk Menjadi Bandar Lestari Mampan Bagi Peningkatan Kualiti Hidup, Memantapkan Sumber Hasil & Memperkasa Tadbir Urus Majlis

STRUKTUR ORGANISASI



UNIT KEWANGAN

Senarai Laporan Kutipan Keseluruhan Mengikut Bulan Dari Jan – Dis 2014



UNIT PENGUATKUASAAN & KESELAMATAN

Pemantauan Aduan Cawangan Bandar Saujana Putra dari Jan - Dis 2014

PERKARA/ BULAN	ANJING LIAR TANPA LESEN	SISA BAHAN BINAAN	SEMAK SAMUN	KACAU GANGGU	LONGKANG TERSUMBAT	LAMPU AWAM	BIL CUKAI TAKSIRAN	LAIN-LAIN	JUMLAH
JANUARI	2	4	4	1	1	-	-	8	20
FEBRUARI	2	3	-	1	8	3	-	8	25
MAC	-	-	-	-	1	-	-	3	4
APRIL	-	-	-	-	-	1	-	3	4
MEI	1	-	3	2	-	-	-	9	15
JUN	-	-	1	1	2	-	-	5	9
JULAI	1	-	-	2	-	-	-	12	15
OGOS	1	1	1	2	-	-	-	15	20
SEPTEMBER	1	1	1	3	3	-	-	7	16
OKTOBER	2	-	2	3	4	-	-	11	22
NOVEMBER	2	-	2	2	-	1	-	3	10
DISEMBER	1	1	4	2	-	-	-	4	12
JUMLAH	13	10	18	19	19	5	0	88	172

UNIT KAWALAN BANGUNAN

Senarai Permohonan Kelulusan Pelan Tambahan dan Perubahan Bangunan (KPTP) dari Jan - Dis 2014

PERKARA/ BULAN	RUMAH KEDIAMAN			KEDAI			LAIN-LAIN			JUMLAH		
	MOHON	LULUS	TANGGUH	MOHON	LULUS	TANGGUH	MOHON	LULUS	TANGGUH	MOHON	LULUS	TANGGUH
JANUARI	15	15	-	-	-	-	-	-	-	15	15	-
FEBRUARI	8	8	-	-	-	-	-	-	-	8	8	-
MAC	13	13	-	-	-	-	-	-	-	13	13	-
APRIL	5	5	-	-	-	-	-	-	-	5	5	-
MEI	13	13	-	-	-	-	-	-	-	13	13	-
JUN	14	14	-	-	-	-	-	-	-	14	14	-
JULAI	10	10	-	-	-	-	-	-	-	10	10	-
OGOS	10	10	-	-	-	-	-	-	-	10	10	-
SEPTEMBER	15	15	-	-	-	-	-	-	-	15	15	-
OKTOBER	25	25	-	1	1	-	-	-	-	26	26	-
NOVEMBER	17	17	-	-	-	-	-	-	-	17	17	-
DISEMBER	14	14	-	2	2	-	-	-	-	16	16	-
JUMLAH	159	159	-	3	3	-	-	-	-	162	162	-

Senarai Permohonan Kelulusan Permit Pelan Lakar (BGP) Bagi Tambahan dan Perubahan Pada Bangunan Rumah Teres Sedia ada dari Jan - Dis 2014

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE

KRONOLOGI

MDKL telah mula melaksanakan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S secara berperingkat iaitu bermula sejak pertengahan tahun 2007. Pada tahun 2009, MDKL telah mula mengorak langkah untuk mendapatkan pengiktirafan iaitu Persijilan 5S daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Justeru, berkat usaha daripada semua pihak selama empat (4) bulan berturut-turut pada tanggal 29 April 2009, MDKL telah berjaya mendapatkan Persijilan 5S untuk pertama kalinya. Persijilan 5S kali kedua pada 6 Mei 2010 dan persijilan 5S kali yang ketiga pada 6 Jun 2011. Namun begitu, pada tahun 2012, aktiviti 5S dihentikan buat sementara waktu bagi membuat persediaan untuk merubah daripada Amalan 5S ke arah Sistem Persekitaran Berkualiti (QE). Pelaksanaan sistem ini adalah berdasarkan kepada Standard Baru Sistem Persekitaran Berkualiti yang telah diperkenalkan oleh pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia. Standard ini telah berkuatkuasa pada 15 Januari 2010. Walaubagaimanapun pada tahun 2013, warga MDKL akan meneruskan Amalan 5S sebagai Sistem Persekitaran Berkualiti (QE) dan seterusnya sedang berusaha untuk mendapatkan persijilan QE bagi kali yang keempat. Pensijilan seterusnya adalah pada 25 Jun 2014 yang mana akan berakhir pada 24 Jun 2015.

Majlis Daerah Kuala Langat melaksanakan Sistem Persekitaran Berkualiti QE secara menyeluruh di mana melibatkan 9 buah Jabatan dan 4 buah unit. Sebanyak 16 zon telah dibentuk yang dinamakan berdasarkan tema haruman iaitu:-



Selain daripada kawasan ibu pejabat Majlis Daerah Kuala Langat, pejabat cawangan seperti Pejabat Jalan Suasa Pekan Banting dan Pejabat Cawangan Telok Datok turut mengamalkan dan seterusnya telah dipersijilkan Sistem Persekitaran Berkualiti oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia.

TUJUAN

- Mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti dan produktif ;
- Memastikan kebersihan, kekemasan dan keselamatan di tempat kerja
- Menjana idea kreatif dan inovatif dikalangan warga kerja untuk penyelesaian masalah dan penambahbaikan ;
- Semua pekerja akan lebih berdisiplin dan beretika untuk menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik ;
- Operasi di tempat kerja lebih senang, pantas dan selamat ;
- Membina budaya kerja dan nilai bersama yang cemerlang dan menjadi kebanggaan semua pekerja dan meningkatkan imej organisasi.

OBJEKTIF

- Persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan selamat;
- Pengurusan operasi organisasi menjadi mudah, cekap dan selamat;
- Pengurusan stor dan dokumen yang lebih cekap dan berkesan;
- Penggunaan kaedah dan piawaian urusan kerja yang jelas;
- Penggunaan ruang kerja yang optimum;
- Peluang mengurangkan rungutan pelanggan;
- Peningkatan semangat kerja berpasukan;
- Peningkatan kecekapan sistem penyampaian; dan
- Peningkatan imej korporat organisasi.

SKOP

UMUM

Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE) yang dilaksanakan di Majlis Daerah Kuala Langat adalah melibatkan jabatan/bahagian/unit seperti berikut:

OBJEKTIF KUALITI	STATUS PENCAPAIAN	CATATAN
Dewberry	Jabatan Khidmat Pengurusan	Ibu Pejabat MDKL
Vanilla	Jabatan Perbendaharaan	Ibu Pejabat MDKL
Kasturi	Jabatan Perancangan Pembangunan	Ibu Pejabat MDKL
Lavender	Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan	Ibu Pejabat MDKL
Bakawali	Jabatan Perkhidmatan Bandar Dan Persekitaran & Unit Pengurusan Sisa Pepejal	Ibu Pejabat MDKL
Iris	Jabatan Kawalan Bangunan	Ibu Pejabat MDKL
Blossom	Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	Ibu Pejabat MDKL
Helianthus		Dewan Sri Jugra
Tulip	Jabatan Landskap Jabatan Belia Dan Kemasyarakatan Unit Vektor & Kawalselia JPBP Unit PRO	Pejabat Cawangan Jalan Suasa
Jasmin	Unit Perundangan	Ibu Pejabat MDKL
Rose	Unit Audit Dalam Pejabat Pesuruhjaya Bangunan	Pejabat Cawangan Telok Datok
Strawberry	Unit Pusat Setempat	Ibu Pejabat MDKL
Pudina	Bahagian Penguatkuasaan	Pejabat Cawangan Telok Datok
White Musk	Bahagian Teknologi Maklumat	Ibu Pejabat MDKL
Ixora	Bahagian Pengurusan Hasil	Ibu Pejabat MDKL
Daisy	Bahagian Perolehan	Ibu Pejabat MDKL

PENGGUNAAN

Kriteria Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE) adalah seperti berikut:

KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN AMALAN SISTEM PERSEKITARAN BERKUALITI (QE)

1. **Polisi Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE)**
2. **Carta Organisasi Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE)**
3. **Sudut Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE)**
4. **Fail Dokumentasi Amalan Sistem Persekitaran Berkualiti (QE)**

RUANG PEJABAT

KAUNTER

STOR

1. **Stor alat tulis**
2. **Bilik peralatan/inventori**

BILIK FAIL

BILIK SERVER

TEMPAT UMUM

1. **Bilik mesyuarat besar/kecil**
2. **Bilik penyediaan makanan/dapur**
3. **Bilik jamuan**
4. **Lobi**

KANTIN

PONDOK PENGAWAL

1. **Buku rekod**
2. **Jadual bertugas**

KAWASAN PERSEKITARAN

1. **Landskap**
2. **Tempat letak kereta/motosikal berbumbung**
3. **Tempat letak kereta/motosikal tidak berbumbung**

POLISI

"Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Yang Berkualiti Melalui Semangat Kerja Berpasukan Dan Persekitaran Kerja Yang Selamat, Sihat Dan Harmoni".

SIJIL

PELAN TINDAKAN AMALAN QE
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
(DALAM KAWASAN PEJABAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT)
TAHUN 2014

Mula : 01 Januari 2014 Hingga 31 Disember 2014

"Budaya 5s Amalan Harian"

BIL	AKTIVITI	BULAN / TAHUN 2014												CATATAN
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
1	MESYUARAT, LATIHAN & LAWATAN													
	1.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu 5S	X					X				X			
		O					O					C		
	1.2. Latihan dan kursus :-													
	1.2.1. Semakan Semula Dokumen QE			X										
				O										
	1.2.2. Taklimat Fungsi-Fungsi J/K Pemandu QE		X											
	1.2.3. Taklimat QE kepada JK Latihan Setiap Zon			X										
	1.2.4. Taklimat QE Kepada Kakitangan Baru	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	Kursus Orientasi
		SEPANJANG TAHUN												
	1.3. Lawatan Ke Organisasi Yang Mengamalkan Amalan QE					X								
						O								
2	AKTIVITI PROMOSI													
	2.1 Publisiti Amalan QE di MDKL/Terima Lawatan Dari Agensi Luar	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
		SEPANJANG TAHUN												
	2.2 Promosi Amalan QE (Gantung Banner, poster, surat hebahan)	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
		SEPANJANG TAHUN												
	2.3 Penyediaan Buletin QE				X			X			X			
	2.4 Mengemaskini Sudut QE Induk	X	X	X			X	X		X				
		O	O	O			O	O						
	2.5 Publisiti Amalan QE di Buletin MDKL, Diari & Laman Web MDKL	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
		SEPANJANG TAHUN												
	2.6 Pameran QE Sempena Hari Kualiti MDKL										X			
	2.7 Pengumuman Aktiviti QE	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
	(10 mins pertama dan 10 mins akhir bekerja)	SEPANJANG TAHUN												
	2.8 Kemaskini Portal QE	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
			O		O		O							
	2.9 Sudut Inovasi/Fizikal/Arca				X		X	X			X			
							O							
3	GOTONG-ROYONG													
	3.1 Gotong-Royong Perdana (Big Cleaning Day)	X					X							
		O					O							
4	PROGRAM MINGGUAN (SETIAP JUMAAT - 4.00 PETANG -5.00 PETANG)													
	4.1. Hari Amalan 5S	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
		SEPANJANG TAHUN												
5	PROGRAM HARIAN													
	5.1. 10 Minit Pertama dan 10 Minit Terakhir	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
	(Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke)	SEPANJANG TAHUN												
6	AUDIT BERKALA													
	6.1. Penilaian Audit Oleh Pasukan Audit Dalaman													
	6.1.1 Audit SEIRI,SEITON,SEISO,SEIKETSU & SHITSUKE	X		X		X		X		X		X		
		15-16	18-19	18-19		26-28				18-23			8-9	
	6.1.2 Audit Dalaman (Mengejut)				X									
	6.2 Audit Pra Persijilan QE daripada MPC				X									
	6.3. Audit Persijilan QE daripada MPC						X							
							O							
7	PERTANDINGAN													
	7.1. Pertandingan Ruang Pejabat Terbaik						X							
							O							
	7.2.Pertandingan Zon QE Terbaik						X							
							O							
	7.5 Kategori Khas Ciptaan/Inovasi Amalan QE Terbaik						X							
							O							

X SASARAN
O PENCAPAIAN

PENYATA KEWANGAN

STATISTIK PENYATA KEDUDUKAN BERAKHIR 31 DESEMBER

	2009	2010	2011	2012	2013	2014
ASET SEMASA	36,725,724	35,361,568	36,181,719	45,122,772	45,182,357	70,952,264
ASET BUKAN SEMASA	14,323,077	19,824,894	18,631,322	18,720,624	21,545,307	20,878,565
Tolak :						
LIABILITI SEMASA	22,315,087	19,023,075	33,984,383	37,153,150	22,419,932	31,058,450
LIABILITI BUKAN SEMASA	0	0	0	222,557	641,331	797,014
ASET BERSIH	28,733,714	36,163,387	20,828,658	26,467,689	43,666,401	59,975,365
EKUITI						
GERAN BANTUAN KHAS	9,568,115	14,270,764	0	0	11,598,431	10,749,898
KUMPULAN WANG MAJLIS	18,445,599	21,172,623	20,108,658	25,747,689	31,347,970	48,505,467
KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN	700,000	700,000	700,000	700,000	700,000	700,000
KUMPULAN WANG AMANAH	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000
JUMLAH EKUITI	28,733,714	36,163,387	20,828,658	26,467,689	43,666,401	59,975,365

STATISTIK BELANJAWAN

	2008 RM	2009 RM	PENINGKATAN / (PENURUNAN) %	2010 RM	PENINGKATAN / (PENURUNAN) %	2011 RM	PENINGKATAN / (PENURUNAN) %	2012 RM	PENINGKATAN / (PENURUNAN) %	2013 RM	PENINGKATAN / (PENURUNAN) %	2014 RM	PENINGKATAN / (PENURUNAN) %
HASIL :													
HASIL CUKAI	18,888,000	21,500,000		21,700,000		22,900,000		23,050,000		24,550,000		27,000,000	
HASIL BUKAN CUKAI	7,973,450	6,776,500		7,529,800		9,682,100		12,569,565		13,580,600		16,806,600	
TERIMAAN BUKAN HASIL :													
PULANG BALIK PERBELANJAAN	150,000	10		10		10		10		10		130,010	
GERAN KESEIMBANGAN - PERSEKUTUAN	2,958,548	2,000,000		2,000,010		2,958,548		2,958,548		2,958,548		2,958,548	
-NEGERI	10	10		10		10		10		0		10	
PENYELENGGARAAN JALAN - MARRIS	10	10		10		3,371,287		3,371,287		4,000,000		4,000,000	
CARUMAN BANTU KADAR	100,000	100,000		100,000		150,000		100,000		325,000		338,291	
PEMBERIAN BIL ELEKTRIK	10	10		10		10		900,000		900,000		1,000,000	
PELBAGAI PEMBERIAN DAN BANTUAN	10	10		10		475,207		78,148		30		30	
JUMLAH HASIL	30,070,038	30,376,550	1.02	31,329,860	3.14	39,537,172	26.20	43,027,568	8.83	46,314,188	7.64	52,233,489	12.78
BELANJA MENGURUS :													
EMOLUMEN	7,955,000	8,250,000		8,500,000		9,809,957		10,420,826		12,095,000		15,676,000	
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	19,795,038	19,575,000		20,200,000		23,250,856		22,980,692		24,507,600		26,419,000	
PENYELENGGARAAN - MARRIS	10	10		10		3,371,287		3,371,287		4,000,000		4,000,000	
ASET	630,000	930,000		970,000		635,190		1,727,660		888,000		791,310	
PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP	550,000	1,050,000		1,200,000		1,743,250		1,796,010		2,725,020		3,630,010	
PERBELANJAAN LAIN	240,010	125,010		125,010		787,500		845,000		915,000		1,317,000	
BAYARAN HUTANG ALAM FLORA & MBI	2,000,000	330,000		330,000		2,030,000		1,630,000		873,558		0	
BELANJA PEMBANGUNAN :													
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - MAJLIS	10	10		10		200,000		250,000		300,000		400,000	
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - NEGERI	10	10		10		10		10		10		10	
JUMLAH PERBELANJAAN	31,170,078	30,260,040	(2.92)	31,325,040	3.52	41,828,050	33.53	43,021,485	2.85	46,304,188	7.63	52,233,330	12.80
SURPLUS / (DEFISIT)	(1,100,040)	116,510		4,820		(2,290,878)		6,083		10,000		159	

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER

STATISTIK PRESTASI KEWANGAN

Tahun	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Pendapatan (RM)	36,705,864	39,484,301	40,829,444	53,947,714	54,769,254	88,515,029
Peningkatan/(Penurunan) %	13	7	3	24	2	38
Tahun	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Perbelanjaan (RM)	35,425,911	37,754,629	41,988,110	48,372,683	49,186,806	71,358,395
Peningkatan/(Penurunan) %	11	6	10	13	2	31

b) Pecahan pendapatan & perbelanjaan dari Tahun 2009 hingga 2014

Butiran	2009	2010	2011	2012	2013	2014
60000 (Hasil Cukai)	20,286,777	19,922,140	21,276,019	23,616,059	26,249,725	28,528,335
70000 (Hasil Bukan Cukai)	7,288,519	9,367,073	9,655,379	15,657,494	13,856,192	16,115,663
80000 (Terimaan Bukan Hasil)	9,130,568	10,195,088	9,898,046	14,674,161	14,663,337	43,871,031
Jumlah Hasil (RM)	36,705,864	39,484,301	40,829,444	53,947,714	54,769,254	88,515,029
10000 (Emolumen)	6,987,479	8,449,880	9,739,762	11,396,701	12,713,725	13,413,354
20000 (Perkhidmatan & Bekalan)	25,246,651	24,938,774	25,489,984	31,975,122	31,086,605	52,426,470
40000 (Pemberian & Kenaan Byrn Tetap)	1,210,014	1,166,485	2,065,430	2,328,216	2,663,571	3,037,786
50000 (Lain2 perbelanjaan)	1,981,767	3,199,490	4,692,934	2,672,644	2,722,905	2,480,785
Jumlah Perbelanjaan (RM)	35,425,911	37,754,629	41,988,110	48,372,683	49,186,806	71,358,395
LEBIHAN / (KURANGAN) PENDAPATAN BERSIH	1,279,953	1,729,672	(1,158,666)	5,575,031	5,582,448	17,156,634

PERISTIWA/ KERATAN AKHBAR

Kenderaan buang sampah haram ditahan

Tindakan sita dan kompaun dikenakan terhadap individu buang sampah di kawasan larangan.

BANTING - Sebanyak tujuh kenderaan berjaya ditahan dan disita Bahagian Penguatkuasaan Dan Keselamatan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di beberapa lokasi pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti di daerah berkenaan.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, secara keseluruhannya terdapat 38 lokasi dikategorikan sebagai tumpuan pembuangan sampah haram di sekitar Kuala Langat.

"Bagi tahun 2014, sebanyak 66 operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan daripada jumlah itu sebanyak 88 notis kesalahan turut dikeluarkan di bawah kesalahan membuang sampah di tempat awam dan juga membuang sampah pukal di tempat tanpa kebenaran MDKL.

"Tahap akur untuk menjelaskan kompaun sangat rendah. Pesalah akan berdepan dengan pendakwaan di mahkamah kerana ingkar dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda maksima sebanyak RM2,000," katanya.

Menurut Mohd Azhar, rondaan bagi pemantauan serta penguatkuasaan dilakukan setiap hari hasil kerjasama orang awam yang memberikan maklumat serta aduan di kawasan kawalan.

Hasil risikan daripada 23 operasi pemantauan di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan panas pembuangan sampah haram pada tahun ini membuahkan hasil apabila anggota penguatkuasa MDKL telah berjaya menahan dan menyita sebanyak 7 lori di kawasan Batu 9, Telok Panglima Garang dan sebanyak 10 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil (UKK) pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah MDKL 2007.

Beliau mengingatkan setiap lapisan masyarakat bekerjasama menyalurkan maklumat supaya aktiviti pembuangan sampah haram dapat dielakkan.

首次组队参加世界赛
雪州滑翔伞队获第9名

在中国的比赛场地山坡上情况。

【万隆3日讯】由6人组成的雪兰莪滑翔伞飞行队（Selangor Aviation Team）日前到中国秋月官田参加："2015年第5届滑翔伞定点世界杯锦标赛"时表现不俗，在25支参赛队伍中获得排名第9，为我国争光。

这也是我国滑翔伞好手首次自组团队远赴中国参加上述世界级的赛会。

此项世界滑翔伞定点锦标赛于10月下旬举行，共有85名来自11个国家的滑翔伞好手参赛。

大马唯一代表

我国队一参赛队伍能够克服种种问题，争得第10名的好成绩，实属难能可贵。

我国滑翔伞飞行队由奥斯曼杜尔担任领队、队长为瓜冷县议会官员诺希山。

4名"飞行员"包括依香、巴西东、莫哈末纳菲及唯一女性"飞行员"诺哈雅香。

我国唯一女选手诺哈雅蒂克满信心向前前排，小图为诺哈雅蒂。

妈妈级队员勇敢起飞

值得一提的是诺哈雅蒂已经是拥有5名孩子的妈妈。

她凭着坚强的斗志和拼劲，个人表现令人赞赏。

她充满信心勇敢面对在中国高空翱翔的挑战，并与其他参赛高手展开一番激烈的角逐竞争，值得赞赏。

领队奥斯曼杜尔表示，他们这次能够成行，应该感谢雪州政府、雪州行政议员拿督阿末尤努斯、州议员哈斯努、瓜拉冷岳县议会主席与县议员等有关方面所给予的支持和鼓励。

感谢州政府支持

他说，这是他们大胆尝试，首次自组队伍及出征到中国参赛，希望能与各国优秀球好手交流切磋，从而提升我国滑翔伞爱好者的技术水准。

我国参赛队伍在机场准备乘搭班机飞往中国杭州，左二为诺希山。

Dataran Banting berwajah baharu

MDKL akan tambah baik kemudahan yang dilakukan secara berperingkat

BANTING - Dataran Banting bakal berwajah baharu apabila kemudahannya akan ditambah baik secara berperingkat.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya membahagikan tiga fasa bagi kerja tersebut.

Menurutnya, fasa pertama dianggarkan menelan kos kira-kira RM200,000, iaitu melibatkan struktur bahagian papan tanda dan beberapa proses naik taraf kemudahan serta landskap.

Beliau berkata, bagi fasa kedua, ia melibatkan kerja penambahbaikan di kawasan kemudahan sukan papan luncur.

"Kerja penambahbaikan ini menggunakan peruntukan MDKL dan kita harap usaha ini bakal mengubah landskap masyarakat sekitar untuk terus mengaktifkan kemudahan disediakan.

"Untuk fasa ketiga pula kita menjangkakan proses naik taraf akan dilakukan pada tahun hadapan dan boleh digunakan sepenuhnya," katanya kepada *Sinar Harian*.



Dataran Banting bakal berubah apabila kerja tambah baik kemudahan akan dijalankan tidak lama lagi.

Mohd Azhar berkata, beliau turut mengakui sepanjang 10 tahun lalu, tiada pembaharuan dilakukan di Dataran Banting itu sehingga ramai pengguna memohon supaya pelbagai kemudahan awam dapat dinaik taraf.

Katanya, beliau menyambut baik permohonan itu apabila melihat hanya Dataran Banting merupakan satu-satunya lokasi riadah yang aktif dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain.

Sebelum ini, pengguna papan luncur di kawasan itu pernah berkumpul menyuarakan keinginan memiliki sebuah kawasan riadah yang lengkap.

Beliau berkata, mereka memohon supaya kemudahan sukan tersebut dapat ditambah dan diperbesarkan kerana ia merupakan satu-satunya lokasi sukan papan luncur yang ada di Kuala Langat.

Berikutan itu, MDKL berhasrat menunaikan keinginan pengguna, terutama golongan belia dengan mengekalkan lokasi papan luncur di Dataran Banting dan menaik taraf kemudahan tersebut.

Tunggu keputusan kerajaan negeri

Status pembinaan ladang babi moden belum ada jawapan

Sebahagian ahli majlis yang hadir dalam mesyuarat penuh MDKL semalam.

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) masih menunggu keputusan kerajaan negeri mengenai status pembinaan ladang ternakan babi moden di Ladang Tumbuk, Tanjung Sepat.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, dalam mesyuarat penuh MDKL semalam, sebuah syarikat swasta telah membentangkan cadangan pusat penternakan untuk dibangunkan di kawasan itu.

Menurutnya, perbincangan itu telah didengari oleh semua ahli majlis dan pelbagai persoalan telah dilontarkan kepada wakil syarikat berkenaan.

"Saya lihat pelbagai pertanyaan disalurkan kepada wakil dalam usaha melihat keberkesanan cadangan pembangunan projek teknologi biogas berasaskan sumber pertanian dan penternakan itu.

"Bagi saya keputusan seterusnya hanya diputuskan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan exco yang terlibat. Kita cuma mendengar apa pembentangan itu selepas pihak terbabit membentangkan di mesyuarat kerajaan negeri sebelum ini," katanya selepas Majlis Penuh MDKL, semalam.

Azhar berkata, projek berkenaan bertujuan bagi mewujudkan satu pusat penternakan yang tiada pencemaran dan membersihkan segala sisa buangan untuk kesejahteraan sejagat.

Katanya lagi, pembinaan itu juga sebagai usaha menyelesaikan masalah pencemaran hasil daripada penternakan sedia ada dengan menyediakan satu tempat penternakan berpusat yang berteknologi dan mesra alam.

"Saya juga difahamkan, syarikat berkenaan mahu menyusun semula industri penternakan babi di Selangor dengan mengadaptasikan konsep penternakan bersih, selamat serta kebersihan ternakan di tahap optimum.

"Apa pun kita melihat keputusan pihak atasan dan berharap perbincangan itu dapat membawa satu kata putus yang memberi kebaikan kepada semua pihak," katanya.

Dalam pada itu, sebelum ini, Orang Besar Daerah Kuala Langat, Raja Dato Uzair Tengku Zainon Shah berkata, beliau turut bimbang jika masalah bau masih berterusan.

Tambahnya Istana Bahagia yang didakwa berhampiran kawasan ternakan ladang babi itu sering di kunjungan kerabat di raja dan perlu diselesaikan supaya tiada masalah lain timbul.

Keindahan Pantai Cunang diiktiraf

TANJUNGSEPAT - Percubaan pertama Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) memperkenalkan Pantai Cunang bagi menyertai Pertandingan Pantai Angkat Peringkat Negeri Selangor 2015 ternyata membuahkan hasil apabila dinobat sebagai juara dan membawa pulang RM10,000.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pencalonan pantai ini adalah kerana pihak MDKL beranggapan pantai ini wajar diketengahkan kerana ia mempunyai satu keunikan tersendiri di mana pantai ini satu-satunya pantai yang terdapat di daerah ini yang masih kekal terpelihara dengan flora dan faunanya selain pasir yang memutih.

"Selain itu juga dengan kehijauan hutan bakau yang masih kekal terpelihara memberikan satu pemandangan yang sejuk mata memandang.

"Pelbagai program dan aktiviti dijalankan pelbagai pihak seperti program gotong-royong, menanam pokok bakau dan sebagainya dan kesemua ini bukan satu kerja yang mudah untuk dikekalkan jika tidak mendapat kerjasama semua pihak yang memainkan peranan penting dalam memelihara dan memastikan pantai ini terus terpelihara," katanya.

Menurutnya, kerjasama erat juga terjalin di antara MDKL, Pejabat Daerah Tanah Kuala Langat, Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 18, Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Sepat dan juga pertubuhan bukan kerajaan yang membantu mengekalkan keindahan Pantai Cunang.

Beliau berkata, kebersihan Pantai Cunang, keceriaan, penggunaan bahan terpakai (kitar semula), kreativiti, kerjasama, komitmen dan juga pengurusan keselamatan di pantai tersebut adalah antara kriteria yang diambil kira sebelum Pantai Cunang dinobatkan sebagai juara.

Sebahagian ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan Pantai Cunang dinobat sebagai juara dalam Pertandingan Pantai Angkat Peringkat Negeri Selangor 2015.

Remembering fellow warriors from India

Monument erected at Morib Beach in memory of Indian Army who helped defend Malaya

story by
ELAN PERUMAL
elan@thestar.com.my

MORIB Beach, a popular picnic spot in Selangor, has a significant role in history as it was where 46 soldiers from the Indian Army arrived during World War II.

The soldiers then facilitated the landing of the 3rd Code of the Indian Army to which the Japanese Army eventually surrendered to on Dec 15, 1942, in Kuala Lumpur.

A ceremony to commemorate the 70th anniversary of the arrival of the soldiers was recently organised by the Malaysian Veteran Indian Armed Forces Association.

The event took place next to a monument built by the Kuala Langat District Council in remembrance of the heroes.

Defence adviser to the Indian High Commission Col Praveen Chhabara said he was proud that the 3rd Code of the Indian Army, which was responsible for the defence of Malaya, stood shoulder-to-shoulder with the Allied forces to fight the Japanese.

He added that the 3rd Code comprised the 23rd and 25th Army.

"The Japanese first surrendered to the 5th Army," he said.

Prior to that, he said, the Indian Army, [illegible]

In memory: Chhabara placing a bouquet of flowers at the monument in tribute to the 3rd Code of the Indian Army. — RAYMOND OOI/The Star

numerous fierce battles with the Japanese.

"Malaya and Singapore were captured by the Japanese 25th Army led by General Tokoyuki on Dec 8, 1941.

"We share the bond of the sacrifices of our forefathers who were involved in fierce battles in Jitra in the north, Kota Baru, Slim River and Kampar," he said, adding that the battle in Kampar, Perak was the bloodiest of all as a large of number of army personnel from both the Allied forces and the Japanese Army were killed.

By sharing the common bonds of history, Chhabara said the event to mark the arrival of the soldiers was commendable.

"I am proud to be here with the veterans," [illegible]

Anderson, who also attended the event, said it was time the younger generation were told of the history.

He said efforts must be taken to bring the young ones to such events so that the story could be passed on to the generations to come.

Organising chairman V. Sundraju said the event had been organised for the second consecutive year and he expected it to be better in future years.

He was grateful to all those who attended the event including the Regiment 1 of the Malayan Royal Military for its band presentation.

Kuala Langat OCPD Supt Zailan Tasir,

Skuad Pantas sedia berkhidmat

Siap siaga hadapi sebarang kemungkinan bencana yang berlaku dalam kawasan operasi MDKL

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sentiasa bersedia menggerakkan Skuad PANTAS MDKL untuk menghadapi sebarang kemungkinan bencana yang memerlukan tindakan segera seperti kejadian pokok tumbang atau kebakaran di sekitar kawasan operasi MDKL.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, dalam kejadian yang berlaku baru-baru ini, pihak MDKL telah menggerakkan seramai 10 orang anggota Skuad PANTAS bagi menjalankan kerja-kerja pemotongan dan pengalihan 13 batang pokok tumbang dan sekah di Kawasan Perindustrian Telok Panglima Garang.

Operasi yang diketuai oleh Pegawai Penyelaras Skuad PANTAS, Miskon Karim bermula pada jam 3.40 petang untuk memotong dan mengalih sebatang pokok bersaiz besar

Anggota Skuad Pantas sedang bertungkus-lumus melakukan kerja-kerja pembersihan.

Menurutnya, operasi pertama yang dijalankan tersebut mendapat perhatian dan kerjasama baik dari

ngalihan pokok tumbang tersebut.

Mohd Azhar menambah, ketika operasi tersebut dijalankan pihaknya

nyebabkan pokok tersebut tumbang masuk ke dalam kawasan kilang berdekatan

secepat mungkin selain daripada tidak mengganggu operasi kilang tersebut. Kami juga mendapat kerjasama daripada pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Langat yang turut menyediakan sebuah jengkaut dan sebuah lori.

"Operasi tersebut mengambil masa hampir tujuh jam dan berakhir pada jam 10 malam," katanya.

Dalam pada itu, Skuad PANTAS MDKL turut bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain seperti Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kerja Raya Kuala Langat dan lain-lain dalam usaha memberikan bantuan kecemasan kepada mangsa bencana.

Justeru itu, Mohd Azhar mengingatkan penduduk daerah ini agar lebih berhati-hati semasa memandu ketika hujan dan melalui kawasan

NASIONAL

BH

PBT perlu agresif laksana Local Agenda 21

Oleh Sakila Shahrul Anuar

Putrajaya

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negara ini perlu lebih agresif melaksanakan program Local Agenda 21 di kawasan masing-masing bagi memastikan usaha mewujudkan pembangunan dan perkhidmatan lestari menjelang 2020 dapat direalisasi.

Timbalan Pengarah (Transformasi dan Pemodenan), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Dr Alias Razman Ismail, berkata kelangsungan PBT dilihat semakin mencabar dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program baharu yang perlu dilaksanakan.

"Kita hanya ada lima tahun sebelum tahun 2020 yang ditetapkan untuk mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang 2020, tetapi pelaksanaan Local Agenda 21 oleh PBT di seluruh negara sangat perlahan," katanya.

"Selain itu, penyertaan ahli/ semua pihak termasuk masyarakat, sektor swasta dan PBT juga amat diperlukan dalam menjayakan program Local Agenda 21 di negara ini," katanya ketika berucap pada seminar Local Agenda 21 di Malaysia: Adakah Masih Relevan? di sini semalam.

Kira-kira 15 wakil agensi kerajaan termasuk Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menyertai seminar berkenaan.

Peluang tindakan global

Agenda 21 adalah pelan tindakan global atau rangka tindakan bagi pembangunan mampan hasil beberapa Sidang Kemuncak Bumi pada tahun 1992, yang dihadiri oleh 178 negara termasuk Malaysia.

Malaysia mula melaksanakannya sebagai projek perintis pada tahun 2000 membabitkan empat PBT iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Perbandaran Miri dan Majlis Daerah Kecil. Kelima-lima PBT berkenaan dipercayai boleh menjadi contoh kepada PBT seluruh negara.

Ali berkata, PBT perlu merancang pelan tindakan jangka panjang bagi pelaksanaan program berkenaan, merangkumi enam langkah yang perlu dilihat oleh semua PBT untuk memastikan kejayaannya supaya ia tidak hanya tinggal sebagai dokumen atau kertas sahaja.

"Ini termasuk menetapkan visi pelaksanaan, analisis atau kajian isu pembangunan mampan di kawasan masing-masing, kesedaran lebih lanjut, masalah sampah, berkaitan dengan semua pihak, pelan tindakan, pelaksanaan dan pemantauan serta penilaian dan maklum balas.

"Meski enam langkah ini, secara automatik penyertaan masyarakat akan dapat dicapai, sekali gus menjadikan program Local Agenda 21 sebagai satu budaya dalam masyarakat negara ini.

"Program ini masih asing di Malaysia, kerana banyak perubahan yang perlu dilakukan oleh negara ini dalam usaha mencapai status negara

Home's Harmony
TAWARAN HEBAT
KAIN LANGSIR
Sehingga 29 Julai 2014

Setempat

Harian Metro 3/5/2014 (2)

FOTO

Azhar (dua dari kanan) bersama penerima sijil penghargaan, semalam.

MDKL lancar kempen satu kompaun RM10

MOHD AZHAR

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) melancarkan kempen semakan dan pembayaran kompaun kesalahan tempat letak kereta MDKL sebanyak RM10 bagi setiap kompaun.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata,kempen akan berakhir pada 31 Disember 2015.

Katanya, orang ramai disaran mengambil peluang hadir ke Ibu Pejabat MDKL atau Pejabat Penguatkuasa Telok Datok untuk menjelaskan kompaun.

Menurutnya, semakan kompaun boleh dilakukan dengan melayari www.mdkl.gov.my untuk mengelak tindakan mahkamah.

"Orang ramai diharap dapat memanfaatkan peluang yang ada sebab kesedaran pembayaran kompaun masih rendah.

"Kempen ini bagi meringankan beban pelanggan yang masih gagal membayar kompaun," katanya.

Pasar jadi lokasi sampah haram

MDKL akan ambil tindakan kepada orang awam yang buang sampah di tempat tidak sepatutnya

Sinar Harian 1/10/2015 m/s: 40

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bakal mengenakan tindakan undang-undang kepada orang awam yang membuang sampah di tapak pembuangan sampah bagi peniaga yang berniaga di kawasan pasar.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, lokasi sampah itu disediakan untuk peniaga yang menjalankan aktiviti harian mereka di kawasan pasar bagi memunggah barangan jualan mereka.

Menurutnya, bagaimanapun lokasi pembuangan sampah itu telah diguna pakai orang awam sehingga terlebih muatan dan tidak dapat menampung keperluan sampah harian peniaga.

"Lebih menyedihkan sampah tidak berkaitan ter-

MOHD AZHAR

"Keadaan ini membimbangkan kita apabila pihak kontraktor terlibat terpaksa mengangkut sampah lebihan hasil daripada sampah orang awam," katanya mengulas mengenai tindakan segelintir pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan membuang sampah di lokasi pembuangan yang berbuat demikian supaya menghentikan aktiviti itu selain dikenakan tindakan.

Katanya, beliau mahu masyarakat peka dengan

Lokasi Pasar Awam Banting kini dalam usaha memantau aktiviti pembuangan sampah haram.

"Ini bagi mengelak masalah lain timbul termasuk lebihan sampah akan bertaburan di atas jalan dan sebagainya.

"Selain itu, kita percaya terdapat pihak yang menyalahgunakan kawasan itu, ia menjadi masalah," katanya.

Sebelum ini, sebanyak tujuh kenal pasti di daerah ini.

Menurut Azhar juga, secara keseluruhannya terdapat 38 lokasi yang dikategorikan sebagai tumpuan pembuangan sampah haram di sekitar Kuala Langat.

"Bagi 2014 sahaja, sebanyak 66 operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 88 notis kesalahan turut dikeluarkan di bawah kesalahan membuang sampah di tempat awam dan juga membuang sampah pukal di tempat yang tidak mendapat kebenaran MDKL," katanya.

Dalam operasi yang diadakan baru-baru ini, sembilan kenderaan yang membawa serta membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan MDKL telah berjaya ditahan dan dikenakan

OPERASI Skuad Pantas Majlis Daerah Kuala Langat di kawasan Perindustrian Telok Panglima Garang yang dianggotai 10 kakitangan menjalankan operasi memotong dan mengalihkan pokok tumbang akibat hujan lebat dan angin kencang diketuai Pegawai Penyelaras, Miskon Hj Karim (tiga dari kiri bertopi putih). Foto kiriman rakan HMlive, Hisyam.

MDKL perkenal E-Perkhidmatan

Sistem memudahkan orang ramai semak cukai taksiran

BANTING - Bagi memudahkan orang ramai membuat semakan cukai taksiran, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah menawarkan perkhidmatan E-Perkhidmatan.

Yang Di Pertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, orang ramai boleh menjelaskan tunggakan cukai dan cukai taksiran semasa bagi penggal kedua 2015 yang dihantar sejak awal bulan.

"Perkhidmatan ini bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai supaya mengenal tanggungjawab menjelaskan cukai taksiran dalam memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat.

"Jika gagal membayar tunggakan cukai taksiran, tindakan boleh diambil dan waran tangkap dikeluarkan selain menyita harta pemilik," katanya selepas Mesyuarat Penuh MDKL.

> **"Perkhidmatan ini bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai supaya mengenal tanggungjawab menjelaskan cukai taksiran dalam memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat."** - Azhar

Mohd Azhar berkata, bayaran juga boleh dibuat di Kaunter Jabatan Perbendaharaan (Tingkat 1) Ibu Pejabat MDKL sebelum 31 Ogos 2015.

Katanya lagi, MDKL juga menyediakan kaunter bergerak di Taman Banting Baru pada Isnin, Taman Perwira (Selasa) dan Taman Sri Rambai (Rabu) dan beberapa kawasan lain.

Didik murid patuhi peraturan

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) berusaha meningkatkan kesedaran mematuhi peraturan jalan raya dan lalu lintas dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah dalam usaha membantu mereka memahami peraturan sebelum mencapai umur layak memiliki lesen memandu.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, kesedaran umum amat penting kerana melalui kempen keselamatan jalan raya yang diadakan itu mampu mendidik mereka supaya lebih peka dengan keadaan sekitar semasa berada di jalan raya.

"Masyarakat khususnya murid perlu sentiasa mematuhi peraturan jalan raya semasa memandu bagi memastikan keselamatan diri dan orang tersayang sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat," katanya ketika ditemui pada Kempen Keselamatan dan Pertandingan Lalu Lintas Antara Sekolah Rendah Daerah Kuala Langat 2015.

Sementara itu, Setiausaha MDKL, Mohd Yasin Alwi berkata, kempen keselamatan itu diadakan bertujuan memberi pendedahan awal kepada murid.

Melihat kepada senario semasa, terdapat segelintir murid yang didapati memandu atau menumpang motosikal dan kereta tanpa lesen dengan tidak rasa bersalah.

"Keadaan ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya golongan murid untuk bersama-sama melibatkan diri dalam membina sebuah masyarakat yang berdisiplin," katanya.

Mohd Yasin (berdiri, lima kanan) bergambar bersama sebahagian peserta.

Panorama indah dan kisah sejarah di antaranya

OLEH **NAEEM RAFFI**

Tidak sekadar keindahan pantai, bahkan memiliki pelbagai kesan sejarah yang sebahagiannya semakin ditinggalkan ramai.

Menyebut nama Morib, yang tergambar ialah suasana pantai cantik, panorama indah tatkala matahari terbenam.

Namun, ramai tidak tahu, Morib suatu ketika dahulu pernah menjadi pintu masuk terawal bagi angkatan tentera British dan India pada Perang Dunia Kedua.

Tanggal 9 September 1945 menyaksikan tentera India dari Batalion ke-46 tentera marin British mendarat bagi mempertahan persisiran pantai dari kemaraan Jepun sekaligus menandakan pengakhiran Perang Dunia Kedua di rantau ini.

Genap 69 tahun kemudian, Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Shri TS Tirumurti diiringi Kolonel Praveen Chhabra, Penasihat Pertahanan di Suruhanjaya Tinggi India melawat Tugu Peringatan Tentera.

Tugu itu sebagai peringatan pendaratan Bahagian Infantri Tentera India ke-23 dan ke-25 di pantai Morib. Kumpulan '46 Indian Beach' memudahkan pendaratan 42,651 kakitangan, 3,968 kenderaan dan 11,224 tan barang.

Selain catatan itu, sekurang-kurangnya 13 tempat bersejarah ada di Morib, antaranya Balai Polis dan Penjara Jugra, Pejabat Daerah Lama Jugra dan Istana Jugra.

Jugra terletak kira-kira 12 kilometer dari pantai Morib adalah lokasi pemerintahan Kesultanan Selangor sebelum berpindah ke Bandar Klang, dan kini di Shah Alam.

Mengadap Selat Melaka, dengan jarak 15 kilometer dari Banting dan lebih sejam dari Kuala Lumpur, Morib menjanjikan pengalaman percutian mempesonakan.

Walaupun air tidak sejernih maldapun pasir pantainya tidak segebu di sebelah timur Semenanjung, ramun badai ombak sederhana cukup membuatkan pengunjung menikmati ketenangan.

Ketika surut pula, pengunjung boleh berjalan di hamparan pasir landai sejauh 400 meter ke gigi air. Yang berminat menambah koleksi cangkerang laut pula, inilah masanya.

Bagi kaki pancing pula, pastikan joran dibawa sekali. Mungkin gian memburu hasil laut boleh dilunaskan.

Pengunjung juga boleh merakam gambar kenangan di Replika kumpulan burung Camar Putih di tengah-tengah Dataran Morib.

Sudut 'The Gastropods' juga boleh dilawati. Pelbagai keranjan lengkap buliran maklumat beserta replika menambah pengetahuan pe-ngunjung.

Festival budaya juga sering dianjurkan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor. Boleh dikatakan, Morib menjadi lokasi penganjuran program budaya, dari peringkat kampung hingga antarabangsa.

Pantai itu juga dijadikan 'port' perhimpunan motosikal retro, basikal dan kereta vintage- program anjuran Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bagi meranggang kehadiran pengunjung.

Buktinya tercatat alam Malaysia Book Of Records - Perhimpunan Motorsikal Retro Terbesar 2014.

Program sukan tidak ketinggalan. Penganjuran Morib International Thriathlon, Morib Fun Run, kejohanan perahu layar, bola sepak pantai dan seni sepak sihat mendapat sambutan hebat.

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) juga menaik taraf beberapa pusat pelancongannya bagi merancakkan lagi sambutan Tahun Melawat Selangor 2015.

Yang Dipertuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali, berkata sejumlah RM7 juta dibelanja untuk menaik taraf prasarana dan lanskap pantai itu.

"Ia meliputi kemudahan pejalan kaki, papan info pelancongan, gerai jualan serta makanan, tandas awam, pentas utama, padang bola sepak pantai dan pencahayaan lampu.

"Parkir kenderaan juga diubah jadi lebih menarik sekaligus pantai Morib sesuai untuk perkelahan keluarga," katanya yang yakin sasaran 500,000 pengunjung tahun ini bakal tercapai.

Kepedulian MDEL terhadap pantai Morib tidak dinafi, apatah lagi dianugerahi Tandas Terbersih peringkat kebangsaan 2013 sempena Hari Tandas.

Pantai itu sekali lagi menempa nama apabila muncul johan Pertandingan Pantai Angkat Negeri Selangor 2014.

Selain itu, makanan laut juga tidak kurang hebatnya. Pelbagai makanan laut yang lazat dengan harga berpatutan sedia terhidang, antaranya kerang rebus, sotong bakar dan jus buah gelas besar.

Struktur berbumbung mod dan selera seakan-akan 'amfiteater Rom mini' menjanjikan pengalaman menarik ketika menjamu selera sambil menikmati pemandangan matahari terbenam.

Kehadiran 'buskers' dengan petikan gitar kapok tambah mencerlakan suasana dengan alunan lagu hits mahupun klasik.

Pengunjung juga boleh ke bazar bermusim dan deretan gerai yang menawarkan pelbagai cenderahati dan makanan tradisi sebagai ole-ole apabila pulang kelak.

Galak PBT pulihara hutan

Bantu elak hakisan berlaku, mampu tonjol imej pentadbiran yang mementingkan kualiti persekitaran

Elizabeth Wong (tiga, kiri) merasmikan gimik menanam pokok di Paya Indah Wetland, semalam.

PAYA INDAH WETLAND – Kerajaan negeri menggalakkan usaha pihak berkuasa tempatan (PBT) mengadakan pemuliharaan hutan di mana-mana kawasan di Selangor bagi mengelakkan hakisan berlaku.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, program berteraskan pemuliharaan alam sekitar itu perlu diadakan di setiap daerah supaya dapat menggambarkan imej pentadbiran PBT serta agensi bagi meningkatkan mutu serta kualiti persekitaran yang baik.

Menurutnya, Paya Indah Wetland merupakan sebuah kawasan konservasi di hutan sekunder yang bersih dan terpelihara sekali gus menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri yang mementingkan aspek pemeliharaan alam sekitar.

"Inisiatif MDKL (Majlis Daerah Kuala Langat) mengadakan pelbagai aktiviti seperti menanam pokok di sekitar kawasan bagi mengindahkan Paya Indah Wetland wajar dipuji," katanya selepas merasmikan Program Cintai dan Pelihara Hutan Kita anjuran MDKL dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Amkor Malaysia Sdn Bhd, semalam.

Beliau berkata, program yang membawa kejayaan kepada warga Kuala Langat itu membantu mengelakkan pelbagai aktiviti tidak sihat di kawasan itu.

"Program itu juga diharap mampu meningkatkan eco-pelancongan serta penambahbaikan konservasi di dalam daerah ini," katanya.

Sementara itu Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohaned Ali berkata, pada tahun 2015 ini, kira-kira 3,000 pokok dari pelbagai spesies telah ditanam di beberapa lokasi seperti Pantai Kelanang, Pantai Morib dan yang terbaru di Pantai Cunang.

"Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga menyumbangkan 100 anak pokok spesies buah-buahan yang mana pada awal sesi program ini telah pun berjaya ditanam oleh peserta dari pelbagai pihak.

"Saya mengharapkan kerjasama yang amat baik ini dapat diteruskan sampai bila-bila demi untuk kebaikan semua pihak di samping memenuhi sasaran pelan induk Local Agenda 21 MDKL iaitu mempertingkatkan kualiti alam sekitar di daerah ini serta menjaga kepentingan pemeliharaan ekosistem dan alam semula jadi," katanya.